

**TREND LAYAK SIJIL SPM 2024****BAHASA MELAYU****Kertas 1****2 jam****September 2024****MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)****TREND LAYAK SIJIL SPM 2024****BAHASA MELAYU  
KERTAS 1****DUA JAM****JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan anda sendiri.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

### Bahagian A


[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan musim panas.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang **musim panas**.

Panjangnyauraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

- 1 Rakyat Malaysia perlu mengubah tabiat suka membeli barang import kerana produktiviti dan pengeluaran barangan tempatan juga mempunyai kualiti tinggi. Menyokong atau membeli barangan keluaran tempatan bukan sahaja dapat meningkatkan pembangunan ekonomi negara malah dapat mengurangkan aliran keluar tukaran wang dan menjimatkan perbelanjaan rakyat.

Sumber : [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas,uraikan kelebihan-kelebihan tersebut.

- 2 KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah terus melonjak tahun ini berbanding dua tahun lalu dengan 4,994 kes direkodkan setakat bulan lalu. Bagi menangani gejala buli di sekolah pembabitan menyeluruh pelbagai pihak amatlah diperlukan. Antara inisiatif KPM termasuk mengeratkan hubungan murid dan guru melalui amalan guru penyayang di sekolah. Selain itu, KPM turut mengadakan kerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS). KPM turut mempelbagaikan platform aduan buli bagi membolehkan murid, ibu bapa dan orang awam membuat aduan terus kepada KPM dengan maklumat disalurkan itu adalah dilindungi.

Sumber : [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan cara-cara menangani kes tersebut.

3

Di Malaysia, perkembangan e-sukan agak lambat berbanding dengan negara maju yang lain. Namun begitu, sejak belakangan ini perkembangan e-sukan mula mendapat perhatian apabila kerjaya e-sukan melahirkan banyak pemain yang berbakat seperti Soloz, Fredo dan Vokey. Suatu hari nanti pastinya nama negara akan dipandang tinggi. Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk mempopularkan e-sukan di negara kita.

Sumber : [www.jendeladbp.my](http://www.jendeladbp.my)

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha mempopularkan sukan tersebut.

4

Pada usia muda, para remaja menghadapi dilema untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi atau sebaliknya. Namun begitu, ada sekumpulan individu memilih untuk memperluas pengetahuan dan jaringan mereka dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi. Oleh itu, remaja perlu memilih kursus yang diminati dan sesuai sebelum melanjutkan pelajaran.

Sumber : [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my)

Huraikan persediaan yang dinyatakan dalam petikan berserta persediaan-persediaan lain yang boleh dilakukan oleh golongan remaja.

### **KERTAS SOALAN TAMAT**